


Jurnal Inspirasi Seni Intelektual

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka

Julai 2019

ISSN : 2637-0115



Rekabentuk Kenderaan: Pemikiran

Rekabentuk Kearah Inovasi

*Muhammad Hasri Abdul Rahim, Wan Zaiyana Mohd Yusof
& Nurkhazilah Idris*

Kajian Kesan Tapak Warisan Sejarah Dunia UNESCO Sebagai Lokasi Perlancongan Terhadap Sosio Budaya: A' Famosa, Melaka

*Musaddiq Mohamad Khalil, Amer Shakir Zainol (PhD)
& Azahar Harun (PhD)*

Konsep Tauhid Sebagai Analisa Kontekstual Dalam Reka Bentuk Masjid Tengker Melaka

*Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD)
& Muhammad Hasri Abdul Rahim*

Digital Photogram: Pengenalan Teknik dan Aplikasi Baru dalam Fotografi

Dona Lowii Madon, Raziq Abdul Samat & Aidah Alias

Gagasan Melayu Dalam Seni Catan Dekorasi Wanita Tempatan

*Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD), Nurkhazilah Idris,
& Khairunnisa Mohd Abdul Ghani*

Menelusuri Pembentukan Karya Bertemakan Hikayat Hang Tuah – Kajian Tipografi & Ilustrasi 'Pertarungan Hang Tuah dan Cin Cu'

Fadly Mohamed Sharif & Walid Muhammad Syafrin Effendi

Pembinaan Arca Awam Di Putrajaya : "Uniti-Keris"

Rosli Zakaria (PhD)

Buku Kerja atau "Workbook" Lakaran Idea Pelajar

*Wan Nur Khalisah Shamsudin, Anith Liyana Amin Nudin
& Lili Eliana Mohd Radzuan*

'Dinding Grafiti...Tarian Robot...Pudu Jail Ke Zaman Hip Hop

Azahari Haji Khalip

Keindahan Ukiran Kayu Pada Mimbar Masjid Terengganu Pada Tahun 2009 Hingga 2014

*Noor Hafiza Ismail (PhD), Azni Hanim Hamzah
& Mohd Fauzan Mat Sari*

Zunar dan Kartun

*Noorhazalen Saad, Shaliza Dasuki
Liza Marziana Mohammad Noh (PhD)*

Modul Asas Pembuatan Sandal

Ibrahim Othman



Foto oleh:
Wan Nur Khalisah Shamsudin

Jurnal
Inspirasi Seni Intelektual
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka
Julai 2019
ISSN : 2637-0115



Copyright 2019 by Faculty of Art & Design (FSSR)
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, 78000
Alor Gajah, Melaka.

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbitan FSSR, UiTM Cawangan Melaka terlebih dahulu.

All right reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system without permission in writing from the Penerbit FSSR, UiTM Cawangan Melaka.

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by
PENERBIT FAKULTI SENI LUKIS & SENI REKA
(FSSR),
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN
MELAKA,
JALAN LENDU, 78000 ALOR GAJAH,
MELAKA, MALAYSIA
Tel : +606 558 2000.

Atur Huruf oleh / Typeset by
Wan Nur Khalisah Shamsudin
Dr Liza Marziana Mohammad Noh
Nurkhazilah Idris

Reka bentuk kulit dan buku oleh
Wan Nur Khalisah Shamsudin
E-mail : wnkhalisah@gmail.com

Ahli Jawatankuasa Jurnal
Dr Liza Marziana Mohammad Noh
Wan Nur Khalisah Shamsudin
Wan Nur Ayuni Wan Mohd Zain
Shafirah Shaari
Nurkhazilah Idris

Penerbitan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka

Penaung

Prof Madya Datuk Sabariah Hj Mahat
Prof Madya Dr Ismadi Badarudin
Prof Madya Dr Shafinar Ismail

Penasihat

Prof Madya Dr Azahar Harun

Ketua Editor

Dr Liza Marziana Mohammad Noh

Editor

Wan Nur Khalisah Shamsudin
Nurkhazilah Idris

Pereka Grafik

Wan Nur Khalisah Shamsudin

Reviewer

Prof Madya Dr Azahar Harun
Dr Rosli zakaria
Dr Nadzri Mohd Sharif
Dr Haslinda Abd Razak
Dr Liza Marziana Mohammad Noh
Dr Sharmiza Abu Hassan

Prakata

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum WB.T.

Setelah tertangguh selama hampir setahun, akhirnya Jurnal ISI (INSPIRASI, SENI, INTELEKTUAL) keluaran kedua dapat diterbitkan. Penangguhan ini berlaku kerana kami menghadapi kesukaran untuk mendapatkan makalah daripada penyumbang meskipun jurnal ini hanya diterbitkan sekali setahun.

Namun begitu, walauapapun kekangannya, kami selaku Ahli Jawatankuasa Penerbitan Jurnal tetap akan berusaha untuk menerbitkan sebuah jurnal secara berterusan demi mewujudkan tamadun ilmu seni yang merangkumi teori dan praktis seni dan budaya. Pastinya kelangsungan dan keunggulan jurnal ini amat bergantung kepada penyumbang-penyumbang makalah yang terdiri dari ahli cendiakiawan dan sarjana seni dan budaya yang menyajikan pelbagai ilmu kepada anak bangsa kita. Penerbitan seperti ini harus dilakukan sebagai rujukan untuk peminat dan pengkaji seni supaya mereka dapat menyambung usaha dalam melestarikan ilmu-ilmu seni dan budaya kepada masyarakat.

Jurnal ISI ini membicarakan isu dan pemikiran dalam bidang-bidang kesenian berdasarkan penyelidikan akademik. Oleh itu, jurnal ini merupakan wadah penyampaian dalam membincangkan teori dan praktis seni daripada pelbagai disiplin atau pendekatan seni berdasarkan kajian atau penyelidikan secara berilmiah.

Sesungguhnya, penerbitan jurnal ini membuktikan iltizam Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM Melaka untuk terus memainkan peranannya dalam mengembangkan perkembangan intelektual kesenian di Malaysia dan seterusnya merangsangkan wacana ilmu dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Oleh

Dr. Liza Marziana Mohammad Noh

Ketua Editor

Jurnal Inspirasi, Seni, Intelektual

Isi Kandungan

i Prakata

ii Isi Kandungan

1 **Rekabentuk Kenderaan: Pemikiran
Rekabentuk Kearah Inovasi**
Muhammad Hasri Abdul Rahim, Wan Zaiyana Mohd Yusof
& Nurkhazilah Idris

11 **Kajian Kesan Tapak Warisan Sejarah Dunia UNESCO Sebagai
Lokasi Perlancongan Terhadap Sosio-Budaya: A' Famosa, Melaka**
Musaddiq Mohamad Khalil, Amer Shakir Zainol (PhD) & Azahar Harun (PhD)

16 **Konsep Tauhid Sebagai Analisa Kontekstual Dalam Reka Bentuk
Masjid Tengker Melaka**
*Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Mohammad Noh (PhD)
& Muhammad Hasri Abdul Rahim*

26 **Digital Photogram: Pengenalan Teknik dan Aplikasi Baru
dalam Fotografi**
Dona Lowii Madon, Raziq Abdul Samat & Aidah Alias

34 **Gagasan Melayu Dalam Seni Catan Dekoratif Wanita Tempatan**
*Liza Marziana Mohammad Noh (PhD), Nurkhazilah Idris,
& Khairunnisa Mohd Abdul Ghani*

44 **Menelusuri Pembentukan Karya Bertemakan Hikayat
Hang Tuah – Kajian Tipografi & Ilustrasi ‘Pertarungan
Hang Tuah dan Cin Cu’**
Fadly Mohamed Sharif & Walid Muhammad Syafrein Effendi

53 **Pembinaan Arca Awam Di Putrajaya : “Uniti-Keris”**
Rosli Zakaria (PhD)


64 **Buku Kerja atau ‘Workbook’ Lakaran Idea Pelajar**
*Wan Nur Khalisah Shamsudin, Anith Liyana Amin Nudin
& Lili Eliana Mohd Radzuan*

71 **‘Dinding Grafiti...Tarian Robot...Pudu Jail Ke Zaman Hip Hop**
Azahari Khalip

81 **Keindahan Ukiran Kayu Pada Mimbar Masjid Terengganu
Pada Tahun 2009 Hingga 2014**
*Noor Hafiza Ismail (PhD), Azni Hanim Hamzah
& Mohd Fauzan Mat Sari*

96 **Zunar dan Kartun**
*Noorhazalen Saad, Shaliza Dasuki
Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD)*

105 **Modul Asas Pembuatan Sandal**
Ibrahim Othman



Gagasan Melayu Dalam Seni Catan Dekoratif Wanita Tempatan

Liza Marziana Mohammad Noh (PhD)
Nurkhazilah Idris
Khairunnisa Mohd Abdul Ghani

Abstrak

Manifestasi Melayu telah digagaskan oleh seniman wanita Melayu menerusi kesenian sejak berabad lamanya. Gagasan Melayu boleh diungkap disebalik songket, seni tekat atau seni tembikar malah menerusi seni visual moden turut dimanifestasikan oleh seniman wanita. Nilai-nilai seni dan budaya tradisi serta agama dijelmakan sebagai lambang kepada Melayu menerusi karya-karya seni catan jenis dekoratif oleh seniman wanita tempatan. Kajian ke atas gagasan Melayu menggunakan kandungan analisis keatas karya seni catan wanita tahun 1970 hingga 1990. Seramai tiga orang pelukis wanita tempatan telah dikenalpasti menggagaskan nilai Melayu dalam pengkaryaan. Terdapat unsur-unsur kesenian Melayu tradisi seperti motif batik, corak geometrikal Islam, objek-objek kraf Melayu dan motif-motif peribumi diaplikasikan. Kajian ini diharap memberi kesedaran kepada generasi muda agar terus mengangkat seni warisan bangsa melalui seni *dekoratif*.

Kata kunci : Manifestasi, gagasan Melayu, seni catan, dekoratif, kesenian Melayu.

Pendahuluan

Seniman seperti pelukis, pengarca, ahli seni cetak bahkan golongan pereka tidak melukis dengan kelowongan akal. Menurut Ahmadrashidi (2006) seniman berkarya kerana cetusan ilham yang disandarkannya dengan pemikiran, falsafah, dan rasa peka visual. Ilham disampaikan menerusi tatabahasa seni seperti garisan, jalinan, warna, rupa ataupun bentuk. Elemen-elemen seni diolah berdasarkan akal dan budi seseorang seniman. Isu-isu persoalan diri dan emosi, keagamaan, politik, kesenian dan kebudayaan menjadi wahana penyampaian komunikasi mereka. Seniman adalah manusia kreatif, mereka tidak seperti individu lain, mereka melihat, memandang dan merasai alam persekitaran lantaran mereka terdorong melakukan percubaan terhadap bentuk-bentuk penggambaran seni yang baru. Sebagaimana Ahmadrashidi (2006) menjelaskan bahawa seni itu sebuah manifestasi pemikiran, budaya, sosial dan politik semasa.

Gagasan Melayu dan Perkembangannya

Gagasan Melayu yang bertunjangkan akal dan budi Melayu telah dapat dikesan manifestasinya lewat tahun 1950-an seterusnya menjadi serius sehingga ke tahun 1970, 1980 dan 1990-an. Menurut D'zulhaimi (2006) terbitnya gagasan yang berakar umbikan Melayu sekitar tahun 1956 malah dapat dikesan di peringkat antarabangsa oleh Howard Taubman dari The New York Times. Beliau menyatakan bahawa terdapat usaha yang begitu berani untuk memasukkan tema tradisional dalam konteks moden pada seni Malaysia menerusi pameran *First Triennial of Contemporary World Art* di New Delhi pada tahun 1968. Hal ini turut diakui oleh Dolores D. Wharton

(1971) seorang penulis seni barat bahawa gagasan mengekalkan warisan dan identiti seni negara ini telah dapat dirasai oleh beliau ketika berada di negara ini sekitar tahun 1958-1964. Beliau berkata,

While one can still not say that there is a Malaysian "school of painting, the search for some of identity began during this period.

Gagasan Melayu terbit dari kebimbangan orang-orang Melayu terhadap warisan seni bangsa dan jati dirinya yang kian hilang kesan daripada pengaruh penjajahan Inggeris termasuklah rusuhan kaum yang berlaku pada tahun 13 Mei 1969. Kedua-dua peristiwa ini merupakan peristiwa penting yang sedikit sebanyak mengganggu pemikiran dan kebudayaan masyarakat di Malaysia. Penjajah bukan hanya mengekplotasikan kekayaan negara jajahan untuk kepentingan ekonomi negeri mereka malahan pemikiran dan unsur-unsur budaya barat diterapkan terutamanya dari segi pendidikan ataupun pentadbiran. Dari hal demikian, diposisi masyarakat Melayu mereka mengalami alienasi sosial dan mudah terpengaruh kepada pemikiran dan nilai etika barat yang bersifat humanistik, materialistik dan sekular yang bercanggah dengan nilai dan norma hidup Melayu yang mementingkan keagamaan. Persoalan krisis identiti diri melanda masyarakat Melayu dan peluang masyarakat Melayu yang kian terpinggir di tanah air sendiri menunjukkan betapa rapuhnya jati diri dan hak masyarakat Melayu. Hal ini disebut oleh Nordin Selat (1978) bahawa kehidupan masyarakat pertengahan Melayu penuh kekeliruan. Walaupun pada dasarnya asal-usul orang Melayu tapi ia mengamalkan cara hidup barat.

Berpusat kepada permasalahan itu justeru timbul tindakan yang diselenggarakan oleh kerajaan Malaysia sendiri dengan menganjurkan sebuah Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971. Menurut Ismail Hussein et al. (2001) tujuan kongres itu diadakan adalah untuk mengubah corak masyarakat dan kebudayaan warisan zaman kolonial, kepada yang lebih nasional sifatnya. Ciri utama yang menjadi signifikan kepada Kongres ini ialah memperkukuhkan asas-asas masyarakat peribumi, bagi mengikat kesinambungan yang dinamik antara bangsa Malaysia kaum yang baru dan sejarah serta tradisi zaman lampau. Rumusan dari penganjuran itu, nilai budaya dan bentuk-bentuk budaya orang Melayu dijadikan teras dalam dasar kebudayaan negara manakala kebudayaan kaum-kaum lain serta bentuk-bentuk budayanya diteruskan tetapi dilihat sebagai manifestasi budaya yang bukan rasmi. Dalam erti kata yang lain nilai dan bentuk budaya orang Melayu mula dimajukan dengan serius sebagai teras. Redza Piyadasa (2000) menjelaskan konteks budaya arus perdana telah diwujudkan dan dipersetujui secara rasmi hasil aspirasi semangat kebangsaan Melayu yang digandingi konteks bukan Melayu.

Pada tahun 1970-an, Kongres Kebudayaan Kebangsaan menjadi penting bagi cendekiawan Melayu, termasuklah pelukis. Peranan yang lebih dominan diberikan kepada orang Melayu dalam urusan hal-ehwal budaya tanahair memberikan satu semangat kepada golongan ini untuk lebih serius dan minat untuk mengkaji sejarah asal-usul orang Melayu, nilai budaya, mitos, lagenda, bentuk seni dan sastera, estetikanya, teknik dan citarasa seninya. Justeru, ahli cendiakiawan

Melayu termasuklah golongan pelukis budaya Melayu telah berusaha dalam mengangkat budaya Melayu dengan menganjurkan sebuah pameran Rupa dan Jiwa di Universiti Malaya pada tahun 1978. Khazanah-khazanah Melayu berupa artifak-artifak Melayu tradisi di seluruh negara di kumpulkan dan dipamerkan bagi bertujuan menyoroti dan menghayati rupa dan keelokan seni visual orang Melayu. Buku yang berjudul Rupa dan Jiwa yang ditulis oleh penulis Syed Ahmad Jamal telah diterbitkan pada tahun 2010. Buku ini merupakan usaha terpenting yang di lakukan oleh seorang pelukis tempatan yang menyedari akan budaya bangsanya. Syed Ahmad Jamal cuba menyelami rupa dan jiwa orang Melayu melalui kajiannya terhadap artifak-artifak seni Melayu tradisional.

Usaha selanjutnya di beri peranan oleh kumpulan pelukis terdiri dari penuntut-penuntut Kajian Seni Lukis dan Seni Reka (KSSR) sebuah jabatan yang diwujudkan khas oleh kerajaan lewat tahun 1960-an untuk masyarakat peribumi bagi melahirkan individu yang mahir dalam bidang melukis dan rekabentuk. Pelukis-pelukis Melayu khususnya telah memberi tindakbalas ke atas dasar-dasar yang telah dirumuskan melalui kongres kebudayaan kebangsaan tahun 1971. Menurut Redza Piyadasa (2002) timbulnya idealisme rasa bangga kaum dan atas perlunya menegaskan identiti Melayu dalam dunia seni lukis mendorong mereka untuk membangkitkan kesedaran terhadap budaya Melayu. Pendekatan eksperimentasi yang menjadi asas per lukisan dalam konteks seni visual moden telah memberi peluang kepada pelukis-pelukis Melayu di KSSR mengupas budaya Melayu pada inovasi imej yang baru sejajar dengan

perkembangan seni avant garde yang telah menular di negara Malaysia lewat tahun 1960-an. Pelbagai khazanah Melayu digeledah dan digali semula oleh pelukis-pelukis ini. Lebih menarik lagi, percambahan idea-idea seni visual terus tumbuh dengan pengenalan kepada nilai-nilai dan sensibiliti estetika Islam. Ini berikutan dari pemusatan kepada agama dikalangan pelukis-pelukis Melayu yang menerima dasar-dasar pengislaman yang dilaksanakan oleh kerajaan di dalam perkhidmatan awam dan institusi-institusi pengajian yang berkembang di akhir 70-an (Redza Piyadasa 2000) Seterusnya reaksi terhadap dasar kongres kebudayaan kebangsaan yang ketiga iaitu Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan. Kemunculan sensibiliti yang baru ini membawa pelukis kepada bentuk pemikiran yang baru terhadap imej penggambaran disamping memperluaskan pendefinisian akar Melayu melalui visual. Hasilnya, pelukis-pelukis pada waktu itu meminjam subjek-subjek Melayu dan budayanya, cuba mengolahnya melalui pendekatan nilai-nilai kelslaman disamping tidak meninggalkan nilai kebaratan. Ternyata mood baru dalam berkarya mulai terpancar dalam sejarah seni visual Moden Malaysia sekitar tahun akhir 70-an dan menular ke tahun 1990-an. Kelahiran mood seni yang baru ini memberi petunjuk bahawa pencarian identiti oleh seniman mulai memperoleh kebenaran dalam merupai sebuah karya yang berjiwakan Melayu Islam.

Seniman yang terlibat secara langsung terhadap kebangkitan akar Melayu ini adalah Ahmad Khalil Yusof, Sulaiman Esa, Ruzaika Omar Basaree, Amron Omar, Fatimah Chik, Mastura Abdul Rahman, Ponirin Amin, dan Mad Anuar Ismail, Hamdzon Haron, Raja Shahrman. Kesemua mereka

mendekati budaya Melayu dari sudut pembentukan seni yang berbeza sama ada dua dimensi atau tiga dimensi. Berbagai teknik olahan diaplikasikan sehingga terbitnya pengaruh aliran-aliran seni yang terpancar melalui karya tersebut. Dari itu, lahirlah nilai-nilai budaya Melayu kerangka seni yang bersifat abstraksi, separuh abstrak, dekoratif ataupun realistik.

Simbol Kesenian Tradisi Melayu Sebagai Akar Melayu

Bagi meneliti karya-karya yang berakar umbikan Melayu pada tahun 1970 sehingga 1990-an, seniman cenderung merujuk kesenian tradisi Melayu seperti seni tradisi batik, ukiran kayu, songket, seni bina dan hikayat serta sastera. Mulyadi Mahamood (2001) menyatakan para pelukis tempatan mula merujuk kembali kepada kesenian tradisi dalam memenuhi hasrat pencarian identiti. Tiadanya persoalan-persoalan Melayu seperti isu-isu politik atau sejarah tradisi agung dititik beratkan oleh pelukis-pelukis pada ketika itu. Rujukan kepada kesenian ini boleh dianggap sebagai permulaan kepada seniman bagi memahami rupa dan jiwa Melayu berasaskan kepada objek-objek seni dan kesusasteraan.

Dr Zakaria Ali (1989) mengupas persoalan estetika Melayu menegaskan bahawa tradisi yang tumbuh subur di bumi kita sendiri sebenarnya tradisi yang menjadi hak kita. Di antara contoh yang disenangi ialah ukiran kayu, pembuatan keris dan tulisan khat. Proses penciptaan seni rupa Melayu itu dipengaruhi oleh ugamanya, nilai-nilai budaya, masyarakat, sejarah dan adat resam. Ia tidak dihayati sebagai sesuatu yang terasing dari alam persekitarannya. Atas dasar hak itu, sebilangan besar karya-karya seni visual memasukkan unsur-unsur

keMelayuan sebagai bentuk dan makna. Hasilnya, pengkaryaan yang bersendikan identiti Melayu dan Islam muncul sebagai inovasi aliran seni terjelma di Malaysia. Dari segi stailistik sebahagian karya seni mereka boleh dianggap membawa laras bahasa seni visual yang berasaskan tradisinya walaupun pengucapannya dalam konteks moden. Karya-karya seperti Ruzaika Omar Basaree 'Siri Dungun', Fatimah Chik dengan siri 'Nusantaranya', Mad Anuar dengan siri 'Hulu Keris' antara karya yang memuatkan pandangan dunia Melayu.

Elemen Dekoratif: Ke Rangka Seni Berakar Umbikan Melayu

Kelahiran aneka ragam seni visual telah membawa kepada kemunculan karya-karya seni catan gaya dekoratif yang bercirikan tradisi Melayu. Stail dekoratif muncul ketika era pencarian identiti melanda perkembangan seni visual di Malaysia sekitar tahun 1970-an, 1980-an dan 1990-an. Kemunculannya bersaing dengan gaya akademik seni barat seperti realistik, futuristik, abstrak expressionis, ekspresionis yang menjadi tumpuan pelukis-pelukis tempatan pada tahun-tahun tersebut. Sebelum itu, sejarah perkembangan seni visual negara banyak dipacukan dengan stail rakaman keindahan alam tempatan dan aktiviti harian masyarakat.

Stail dekoratif lazim diketengahkan oleh pelukisnya melalui pendekatan bercorak. Kekuatannya terletak kepada keharmonian subjek atau motif-motif yang disusun dengan gaya pengulangan beserta padanan warna-warna yang cemerlang lagi dominan. Di Malaysia, kehadiran gaya dekoratif diterima dengan baik tanpa ada prejudis, walaupun di barat menurut Negrin (2006) ketika berada dalam era moden, gaya dekoratif ini dipandang

sebagai seni yang bertaraf rendah, menipu dan tidak berguna oleh sebahagian ahli moden. Ciri-ciri dekoratif itu tidak mencabar pemikiran sepertimana dalam karya-karya seni *avant - garde* yang lain seumpama Seni Abstrak ataupun Seni Konseptual. Seni itu hanya diisukan sebagai membawa kecantikan semata-mata tanpa memasukkan nilai-nilai intelektual ke atasnya. Namun, pandangan tersebut telah dibahaskan oleh ahli-ahli teori feminis, seperti Norma Braude (1982), Naomi Schor (1987), Penny Sparke (1995) dan Wein Steiner (2001) dengan memperjuangkan bahawa seni dekoratif sebagai aliran seni yang berfungsi dan berkomunikasi. Mereka menegaskan nilai dekoratif dalam karya-karya seni moden mempunyai hubungkait dengan domain feminin dan perkara itu di perakui sendiri oleh Earnst Gombrich. Kelahiran ornamentasi atau corak-corak menurut mereka melambangkan kejiwaan wanita yang tidak boleh lari dari mengaitkan diri mereka dengan elemen tersebut dalam menginterpretasikan keindahan.

Berdasarkan penulisan sejarah seni oleh Henry Balfour (1893) dalam esainya yang bertajuk *The Evolution of Decorative Art* menyatakan seni dekoratif merupakan sebuah cabang seni visual. Kelahirannya tidak diketahui asal-usulnya. Namun dengan merujuk karya-karya seni purba, kesan-kesan lakaran yang ditemui di dinding gua, peralatan batu pada zaman neolitik boleh diklassifikasikan sebagai seni dekoratif awal. Lakarannya berbentuk ornamentasi (corak) ringkas seperti garisan zig zag, garisan beralun dan titik termasuklah gambaran-gambaran yang menghubungkan dengan alam seperti rupa binatang atau unsur-unsur laut. Seni ini berfungsi sebagai menghiasi budaya benda dan ditemui

kesannya melalui bahan-bahan semulajadi seperti batu ataupun kayu sama ada di ukir ataupun di lukis. Menurut Kleinert (1992) seni dekoratif ini dibudayakan oleh masyarakat asli dan menjadi signifikan dalam konteks kehidupan mereka. Penciptaannya mempunyai tujuan dan mengandungi nilai makna yang simbolik. Hasil kajian yang dilakukan oleh Balfour terhadap evolusi seni dekoratif ini, beliau menyatakan masyarakat asli di negara-negara seperti Australia, New Guinea dan Afrika membudayakan seni dekorasi sebagai menyatakan identiti masyarakat melalui objek-objek kegunaan mereka. Penciptaan mereka adalah istimewa memandangkan terdapatnya penekanan terhadap warna keatas corak-corak tersebut yang membawa makna simbolik berdasarkan kepercayaan yang mereka amalkan. Bagi masyarakat asli di Amerika pula menurut Carboni (1991) mereka menjahit corak-corak diatas baju bagi berfungsi untuk menyembunyikan diri mereka dari binatang buas disamping mengindahkan pakaian. Sepertimana yang disebut oleh Negrin (2006) *furthermore, this function was not just considered as practical items but also in terms of its role as a communicator meaning.* Kini seni dekoratif diperluaskan aplikasinya oleh manusia sejajar dengan pemikiran manusia yang berkembang dalam memenuhi citarasa berseni. Dalam konteks seni visual moden, nama seperti Miriam Shepiro merupakan pelukis terkenal yang mengangkat seni dekoratif di abad ke 20.

Mewacanakan gagasan Melayu melalui seni dekoratif jelas menunjukkan seniman terutamanya golongan pelukis di Malaysia berkemampuan dalam menjelmakannya walaupun melalui pengucapan moden. Kemampuan ini ditunjukkan oleh beberapa pelukis-pelukis seni catan wanita yang

mempelopori kegiatan seni tersebut. Berbekalkan pendidikan seni yang diperolehi secara formal ketika menuntut di Kajian Seni Lukis dan Seni Reka, eksperimentasi pelukis wanita di kira berjaya membentuk inovasi baru dalam imej penggambaran. Hasil kerja mereka merupakan kesinambungan kerjatangan seniman wanita tradisi dalam menghidupkan ciptaan-ciptaan berseni. Pelukis-pelukis yang dimaksudkan adalah pelukis revivalis Melayu dari Kajian Seni Lukis dan Seni Reka. Mereka adalah Fatimah Chik, Mastura Abdul Rahman dan Khatijah Sanusi. Mereka adalah pelukis catan dan masing-masing membawa warisan seni bangsa sebagai identiti seni mereka.

Menerusi penulisan ini, tiga karya seni catan mereka di pilih untuk di apresiasikan secara formalistik dalam meneliti akar Melayu yang menjadi pembawaan pelukis-pelukis ini. Sepertimana Ahmadrashidi (2006) menjelaskan dalam aspek mengenal subjek penghayat haruslah mengenal dan mampu membuat deskripsi mudah terhadap karya yang merangkumi persoalan seperti bentuk karya, jenis karya, bahan buatan, subjek, imej serta saiz karya. Menurut beliau lagi, dalam aspek analisis karya, penghayat seharusnya membuat analisis tampak atau formal dan melihat bagaimana karya itu dapat dihasilkan. Ini merangkumi persoalan susun atau rekaletak imej-imej yang di paparkan dan bagaimana ia menjadi sebuah karya seni yang menarik. Penggunaan unsur-unsur visual seperti bentuk, warna garisan, jalinan dan sebagainya akan dianalisis.



Khatijah Sanusi

Tajuk : September Series II.

Bahan : Batik.

Tahun : 1992.

Saiz : 126cm x 180cm

September Series II (1992) adalah karya seni catan yang berkonsepkan kelslaman. Secara formalistiknya, Khatijah mencipta seni dekoratif berasaskan motif-motif geometrikal Islam yang disusun secara pengulangan dalam menyampaikan mesej kelslamannya. Motif-motif itu disusun secara *focal point*, seimbang dan harmoni. Konsep penyusunan itu berdasarkan penjelasan oleh Ruzaika Omar Basaree (1995) bersesuaian dengan konsep Seni Islam yang sebenarnya dalam menggambarkan keesaan tuhan, ketenangan dan keharmonian. Menurut Ruzaika, Seni Islam lebih berpihak kepada unsur keintelektualan daripada emosi. Seperti Fatimah Chik, Khatijah turut menggunakan teknik blok cetakan bagi mengkomposisikan motif-motifnya secara pengulangan. Kecenderungan Khatijah dalam menyampaikan makna Islam adalah terkesan dari resolusi Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang ketiga iaitu Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan

kebudayaan kebangsaan. Khatijah terdorong untuk memperdalam estetika Islam sehingga terbitnya kebangkitan identiti agama dan kerohanian dalam diri Khatijah. Pemilihan estetika Islam sebagai inspirasinya adalah tepat memandangkan ia sebuah seni penyerahan diri kepada Tuhan. Bagi menzahirkan intipati terhadap keesaan Tuhan, Khatijah menggunakan pendekatan seni visual sebagai wadah penyampaiannya. Keseluruhan karya Khatijah menggagaskan idea dekoratif berdasarkan akar umbi Melayu yang Islamik. Seperti karya Fatimah Chik, **September Series II** diklassifikasikan sebagai karya batik moden memandangkan wujudnya kaedah membatik dalam proses kreatifnya.



Fatimah Chik

Tajuk : Unity in Harmony.

Bahan : Batik dan Kolaj.

Tahun : 1996.

Saiz : 140cm x 170cm

Unity in Harmony (1996) berupa penghargaan Fatimah Chik terhadap motif-motif peribumi seperti kain pua, batik dan songket secara dekoratif. Beliau menggunakan teknik blok cetakan dan kolaj bagi mencipta gaya pengulangan. Proses kreatifnya menampilkan proses baru dalam konteks seni visual moden bagi menggantikan bahan pewarna tradisi barat seperti cat air, minyak atau akrilik. Meneliti karya Fatimah Chik, beliau menggagaskan akar Melayu

memandangkan motif peribumi nusantara dan pendekatan teknik membuat menafsirkan pendekatan orang Melayu terhadap proses seninya. Karya beliau disifatkan sebagai seni abstrak bercirikan dekoratif dan memiliki nilai-nilai yang simbolis. Kelihatannya beliau menggunakan motif-motif organik yang di olah secara rupa tigasegi yang menyerupai motif gunung yang dibuat secara perulangan dan bertindan-tindan. Perulangan motif itu seakan-akan membawa kepada pergerakan zig zag yang mampu merangsang penglihatan si pemerhati.

Kesan dari teknik cetakan dan aplikasi warna serta penggunaan motif peribumi Fatimah Chik menampilkan sebuah inovasi terbaru dalam pengkaryaan. Karya Fatimah diklassifikasikan sebagai seni batik moden memandangkan wujudnya kaedah membuat dalam karya beliau seperti penggunaan warna dan teknik cetakan.



Mastura Abd Rahman

Tajuk : House of Flower, House of Harmony.

Bahan : Campuran dan Kolaj.

Tahun : 1999.

Saiz : 183cm x 276cm

House of Flower, House Of Harmony (1999) merupakan karya Mastura Abdul Rahman yang dihasilkan pada lewat 1990-an. Penglibatan beliau dalam pergerakan revivalis Melayu Islam telah mengembalikan beliau kepada

pencarian identiti yang berakar umbikan Melayu.

Karya beliau memenuhi citarasa Melayu dan disifatkan sebagai karya yang bercirikan seni dekoratif. Wanita yang sering di kaitkan dengan kecantikan dan kekeluargaan memberi inspirasi kepada Mastura untuk menterjemahkan alam wanitanya melalui seni catan. Mastura memeriahkan seni catannya dengan menghubungkannya dengan atmosfera Melayu dan Islam. Untuk itu, beliau telah menerapkan beberapa objek-objek yang membawa lambang kepada suasana budaya Melayu seperti buaian bayi, suratkhbar Melayu, kain sarung, congkak serta labu sayung. Mastura turut menggunakan beberapa objek yang dihubungkan dengan makna dan lambang Islam seperti Quran dan beberapa buku yassin yang di letakkan diatas tikar mengkuang dan tikar sejadah yang digantung diatas pemedang kayu.

Pengisian unsur-unsur Islam yang dihubungkan dengan Quran dan tikar sembahyang (sejadah), menjelaskan manifestasi Islam ketara di terjemahkan oleh Mastura. Menariknya karya Mastura ini adalah kesemua objek-objeknya dilingkari dengan ornamentasi atau corak yang dipinjamkan dari motif-motif batik tradisi yang dipadankan dengan warna-warna yang cemerlang. Kesannya, interpretasi beliau terhadap budaya tradisi Melayu telah membawa beliau mencipta suasana catan yang harmoni dan ceria, sepertimana dinyatakan oleh Redza Piyadasa (2002),

"Incorporation of both the Malay-Islamic element was essential and vital to the formation of harmonious and peaceful life style."

Kesimpulan

Kesan dari penganjuran Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971 telah memberi impak kepada perkembangan seni visual negara. Salah satunya adalah kehadiran seni dekoratif oleh beberapa pelukis seni catan wanita tempatan.

Kemunculannya telah memperkayakan lagi aliran-aliran seni yang berkembang di Malaysia. Seni dekoratif tercetus disebabkan timbulnya kesedaran pelukis-pelukis seni catan wanita tempatan terhadap perlunya pencarian identiti dalam seni. Bersandarkan kepada pencarian itu, maka lahirlah nilai-nilai yang berakar umbikan Melayu dijemakan oleh pelukis-pelukis wanita secara dekorasi. Kelahiran seni dekorasi dalam acuan Melayu ini dianggap sebuah inovasi baru di bidang pengkaryaan. Memandangkan pada hari ini karya-karya seni visual menampilkan imej yang universal dan amat kurang dalam mempertahankan budaya Melayu warisan bangsa maka pelukis generasi baru harus merujuk usaha yang dilakukan oleh pelukis-pelukis wanita dalam memelihara warisan bangsanya.

Oleh yang demikian, membincangkan akar Melayu dalam seni catan wanita penulis mendapati pelukis-pelukis catan wanita tempatan mencipta seni dekoratif berketrampilan Melayu melalui citra kewanitaan (*feminine*). Penekanan terhadap ornamentasi atau corak-corak floral dan geometrikal menggambarkan dunia wanita tidak boleh lari dari mengaitkan diri mereka dengan elemen tersebut dalam percubaan mereka untuk menginterpretasikan keindahan. Kesannya, mereka berjaya menterjemahkan seni yang menawan dan mempesonakan hasil sentuhan jiwa dan kerja tangan dari seorang yang bergelar wanita. Secara keseluruhan

penulis merumuskan seni dekoratif merupakan sebuah inovasi pelukis catan wanita Melayu yang diklassifikasikan sebagai *gynocritics* kerana menampilkan gaya cipta wanita yang berkarektor Melayu.

Bibliografi

- Ahmadrashidi, H. (2006). *Seni Lukis dan Idea*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara Press.
- Balai Seni Lukis Negara. (1992). *Identiti Islam Dalam Senirupa Malaysia: Pencapaian Dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Balfour, H. (1893). *The Evolution of Decorative Art. An Essay Upon its Origin and Development as Illustrated by the Art of Modern Race of Mankind*. New York: Mcmillan & Co.
- Broude, N. (1982). *Miriam Schapiro and "Femme": Reflections on the Conflict between Decoration and Abstraction in Twentieth Century Art*. pp.315-29 in Broude and M.D. Garrard (eds) *Feminism and Art History: Questioning the Litany*. New York: Harper & Row.
- Carboni, M. (1991). *Infinite Ornament*. Artforum 30(September): 106-11.
- D'zulhaimi, M. Z. (2006). Persidangan Seni Budaya dan Warisan. *Pendidikan Seni Budaya dan Warisan di Abad 21: Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur: Aswara.
- Ismail, H., Wan, H. W. T., & Ghazali, S. (2001). *Tamadun Melayu. Menyongsong Abad Kedua Puluh Satu*. Edisi Kedua. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kleinert, S. (1992). *Deconstructing "the Decorative": The Impact of Euro-American Artistic Traditions on the Reception of Aboriginal Art and Craft*, pp.115-30 in N. Ioannou (ed.) *Craft in Society*, South Freemantle, Western Australia: Fremantle Arts Centre Press.

Muliyadi, M. (2001). *Seni Lukis Moden Malaysia - Era perintis hingga Era Pluralis (1930-1990)*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Negrin, L. (2006). *Ornament and the Feminine*. *Sage Publications* 7(2):219-235.

Redza, P. (2002). *Masterpieces from the National Art Gallery of Malaysia*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.

Ruzaika, O. B. (1995). *Kesenian Islam. Suatu Perspektif Malaysia*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.

Schor, N. (1987). *Reading in Detail: Aesthetic and the Feminine*. New York and London: Methuen.

Sparke, P. (1995). *As Long as it's Pink: The Sexual Politics of Taste*. London: Pandora.

Steiner, W. (2001). *Venus in Exile: The Rejection of Beauty in Twentieth Century of Art*. Chicago: University of Chicago Press

Wharton, D. D. (1971). *Contemporary Artists of Malaysia. A Biographic Survey*. Petaling Jaya: Asia Society

Zakaria, A. (1989). *Seni dan Seniman : Essei-Essei Seni Halus*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.




UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Fakulti
Seni Lukis
& Seni Reka



Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka

ISSN 2637-0115



9 772637 011001